



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO DAN UNIMAS JALIN KERJASAMA STRATEGIK TAWAR KHIDMAT REHABILITASI DAN PEKERJAAN KEPADA MASYARAKAT SARAWAK

**KOTA SAMARAHAN, 5 Ogos:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) hari ini memeterai satu **Memorandum Persefahaman (MoU)** bagi membuka laluan kepada pelbagai kolaborasi strategik antara kedua-dua pihak.

Kerjasama menerusi MoU ini akan menyokong usaha PERKESO dan UNIMAS bagi menyediakan dan memanjangkan program serta **kemudahan rehabilitasi** di Bumi Kenyalang menerusi penyediaan kemudahan tersebut **di Hospital Pengajar UNIMAS**. Inisiatif murni ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat terutamanya para pencarum PERKESO untuk mendapatkan rawatan rehabilitasi di kampus UNIMAS.

Selain itu, pemeteraian MoU ini juga akan merintis kolaborasi dua hala dalam aspek **penyelidikan dan pembelajaran**, bertujuan bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan anggota dalam bidang-bidang seperti perubatan, rehabilitasi, intervensi neurologi, kesihatan mental, kemahiran kesihatan bersekutu, robotik, latihan vokasional, keselamatan dan kesihatan, pengurusan hilang upaya, program Return To Work (RTW), dan program perkhidmatan pekerjaan.

Pemeteraian MoU tersebut telah direalisasikan dalam satu majlis yang telah diadakan di **Dewan Tunku Abdul Rahman Putra, UNIMAS**, di mana PERKESO telah diwakili oleh **Ketua Eksekutifnya, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed**, manakala UNIMAS pula diwakili oleh **Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Naib Canselor UNIMAS**. Kerjasama tersebut telah disaksikan oleh **Datuk Dr. Hafez Hussain, Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak** dan **Prof. Madya Dr. Ehfa Bujang Safawi, Pengarah Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan UNIMAS**.

Menerusi kolaborasi ini juga, PERKESO berhasrat untuk membuka sebuah **Pusat Satelit MYFutureJobs** di kampus UNIMAS agar para siswazah dan graduan di univesiti tersebut dapat memperoleh manfaat menerusi program dan aktiviti perkhidmatan pekerjaan PERKESO. Sehingga **22 Julai 2022**, Portal Pekerjaan Negara, MYFutureJobs menawarkan lebih **290,000** jawatan kosong aktif di seluruh negara, di mana **20,362** daripadanya adalah di negeri Sarawak. Menerusi perkhidmatan pekerjaan MYFutureJobs dan pelaksanaan pelbagai aktiviti program pasaran buruh aktif oleh PERKESO, seramai **549,112** individu telah berjaya mendapat pekerjaan di seluruh Malaysia, termasuk **21,352** anak jati Sarawak.

**Dato' Sri Dr. Mohammed Azman** berkata, “Kerjasama yang dipateri melalui MoU dengan pihak UNIMAS ini mencerminkan keprihatinan kedua belah pihak terhadap kebajikan golongan pekerja. Saya percaya, pemilihan UNIMAS sebagai rakan strategik PERKESO adalah satu langkah yang tepat dan selari dengan objektif ***'no Malaysian is left behind'*** dalam perlindungan keselamatan sosial, di mana perkhidmatan rehabilitasi yang disediakan merentasi kepelbagaian etnik dalam masyarakat di Sarawak.”

“Kerjasama ini juga bertepatan dengan peranan PERKESO dalam menyediakan perkhidmatan rehabilitasi secara holistik untuk memberi sinar baharu dan kehidupan yang lebih baik buat pekerja yang cedera atau menghidap penyakit, menerusi pengurusan hilang upaya yang komprehensif dan dinamik,” tambah beliau dalam

ucapannya.

Menurut Naib Canselor UNIMAS, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi, dengan kerjasama ini pencarum PERKESO berpeluang menjalani rawatan rehabilitasi di Pusat Rehabilitasi UNIMAS dengan selesa, selain lokasinya berhampiran dengan Kuching dan Serian. Kerjasama ini juga dilihat saling melengkapi kekuatan yang ada pada kedua-dua pihak, mendatangkan manfaat dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan mampan negara.

Dengan kerjasama rakan strategik seumpama ini, PERKESO dan UNIMAS dapat memperluaskan lagi penyampaian perkhidmatannya menerusi bidang kepakaran masing-masing demi kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal-Ehwal Korporat PERKESO**

**dan**

**UNIMAS Corporate**

**5 Ogos 2022**

## **Mengenai PERKESO:**

*Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.*

*Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja – Insentif Penggajian dan SIP Gig.*

## **Mengenai UNIMAS:**

*Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang terletak di Kota Samarahan, Sarawak merupakan universiti yang kelapan ditubuhkan di Malaysia dan yang pertama dicetuskan di bawah Wawasan 2020. Pada tahun ini, menjadi detik sejarah dengan sambutan ulang tahun ke-30 UNIMAS yang mula bertapak di Rumah Setia, Taman Budaya di Bandaraya Kuching sehingga beroperasi sepenuhnya di Kampus Timur, Kota Samarahan pada tahun 1993. Sebagai universiti awam yang kelapan, UNIMAS terus melakar sejarah negara apabila dinobatkan antara 1001 universiti terbaik di peringkat antarabangsa. UNIMAS juga menjadi universiti pertama yang disenaraikan dalam The World University Rankings di rantau Borneo di samping menjadi sebuah universiti komprehensif yang amat signifikan kepada pembangunan komuniti dan negeri Sarawak.*

## **UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:**

### **PERKESO**

Shafiq Adnan | [shafiq.adnan@perkeso.gov.my](mailto:shafiq.adnan@perkeso.gov.my) | +6018-3246720

Hamisah Hamid | [hamisah.hamid@perkeso.gov.my](mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my) | +6019-3833605

### **UNIMAS**

Maclean Patrick Sibat | [psmaclean@unimas.my](mailto:psmaclean@unimas.my) | +6012-8837098

Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin | [azadnurlisa@unimas.my](mailto:azadnurlisa@unimas.my) | +6013-8797011